



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

NOTIS PEMBERITAHUAN

TENTANG DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS YANG TERSEDIA UNTUK DIPERIKSA

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) KOTA RAJA – PAUH PUTRA

Merujuk subseksyen 13(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah dengan ini diberitahu bahawa salinan-salinan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kota Raja-Pauh Putra tersebut telah sedia untuk diperiksa bermula pada 9 Ogos 2022 hingga 8 September 2022 pada tarikh, tempat dan masa berikut **PADA HARI BEKERJA SAHAJA**:

Tempat	Jenis Pameran	Tarikh	Masa
1. Lobi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis	Pameran Tetap	9 Ogos – 8 September 2022	Isnin – Jumaat (9.30 pg – 4.30 ptg)
2. Lobi Pejabat Majlis Perbandaran Kangar (Cawangan Arau)			
3. Pejabat PLANMalaysia@Perlis (JPBD Negeri Perlis)			
4. Anjung Siswa, UiTM Perlis, Kampus Arau	Pameran Bergerak	9 Ogos – 12 Ogos 2022	Isnin – Jumaat (11.00pg–5.00 ptg)
5. Masjid Negeri Arau, Perlis		15 Ogos – 19 Ogos 2022	
6. Masjid Al-Mursyid, Pauh		22 Ogos – 26 Ogos 2022	
7. Kolej Kediaman Tuanku Tengku Putra, UniMAP		29 Ogos – 2 September 2022	
8. Kompleks Tok Arau (C-Mart)		5 September – 8 September 2022	

Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Draf RKK Kota Raja-Pauh Putra berkenaan. Bantahan, rayuan, surat atau memorandum berkenaan draf tersebut boleh menggunakan borang bantahan awam yang disediakan dan dikemukakan sebelum atau pada **15 September 2022**.

Mana-mana bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan draf tersebut itu bolehlah dikemukakan kepada pejabat :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
192, PERSIARAN JUBLI EMAS,
01000 KANGAR, PERLIS**

Tel : 04-976 2188
Fax : 04 -976 6052
E-mail : rkkdirajaarau@gmail.com

Representasi itu hendaklah menyatakan perkara-perkara berkaitan dengannya dan alasan-alasan atas nama representasi itu dibuat.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kangar,
Perlis**